

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan melaksanakan cukai ke atas e-rokok sedangkan perjualan e-rokok sebagai komoditi masih belum diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan rokok elektronik termasuk vape telah bermula di Malaysia seawal tahun 2013 dan semakin berleluasa pada tahun 2015. Berikutan itu, sejak tahun 2016 Kerajaan mengambil pendirian untuk mengawal selia rokok elektronik dan vape tanpa nikotin berdasarkan kawal selia rokok dan produk tembakau yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (atau KKM) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga telah mengeluarkan Garis Panduan Aktiviti Pengeluaran, Pengedaran Dan Peruncitan Peranti Serta Cecair Rokok Elektronik Tanpa Nikotin yang berkuatkuasa mulai 1 April 2018 sebagai panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin di negara ini. Selain itu, Jabatan Standard Malaysia turut berusaha membangunkan

standard bagi peranti rokok elektronik termasuk vape, bateri dan pembungkusan cecair tanpa nikotin.

3. Seterusnya melalui Belanjawan 2021, Kerajaan telahpun mengumumkan pengenaan duti eksais ke atas peranti dan cecair rokok elektronik termasuk vape berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021. Peranti rokok elektronik dikenakan duti eksais pada kadar 10 peratus. Manakala cecair atau gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik termasuk vape dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter. Kedua-dua produk peranti dan cecair tanpa nikotin ini juga adalah tertakluk kepada cukai jualan pada kadar 10 peratus.

4. Cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik termasuk vape tidak dikenakan duti eksais kerana nikotin merupakan racun Kumpulan C di bawah Akta Racun 1952. Sehingga kini, penjualan cecair bernikotin kekal dilarang dan dikawal selia oleh KKM di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952. Penjualan cecair bernikotin pula hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

5. Namun sekiranya Kerajaan berhasrat untuk mengawal selia rokok elektronik dan vape yang bernikotin secara menyeluruh termasuk melalui medium percukaian, kajian terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu yang meliputi aspek kawal selia penjualan, penggunaan dan keselamatan produk serta penyediaan garis panduan yang jelas sebelum sebarang cadangan pengenaan cukai dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.